

Ruj Kami: : (8) MBPJ/090100/T/A6 Jld. 11
Tarikh: 16 Oktober 2012

KENYATAAN AKHBAR

ADUAN TEMBOK PAGAR RUNTUH DI NO 5, LORONG UTARA KECIL, PETALING JAYA.

Merujuk kepada artikel yang disiarkan di akhbar News Strait Time pada 17 Oktober 2012 bertajuk "**Bungalow Owner Told To Repair Retaining Wall**". Pada 13 Oktober 2012 Pasukan Bertindak Cepat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil tindakan dengan membersihkan serpihan pokok tumbang yang terkena bahagian jalan di sekitar kawasan terlibat.

Untuk makluman hasil lawatan tapak yang dilakukan oleh Jabatan Kejuruteraan MBPJ, di dapati tembok pagar/dinding penahan yang runtuh adalah disebabkan oleh rekabentuk pagar/dinding penahan yang tidak diketahui di samping itu juga, terdapat longgokan tanah di dalam lot dan ditempatkan bersebelahan pagar tembok lot persendirian tersebut.

Hasil pemerhatian pihak Jabatan, punca-punca runtuhan adalah di sebabkan oleh reka bentuk dinding penahan lot persendirian terlalu tinggi dan pemilik premis tersebut melonggokan tanah bersebelahan pagar batu dan tidak secara langsungtelah menambahkan beban kepada struktur pagar batu/dinding penahan.

Di samping itu, pemilik premis tersebut juga telah menyatakan bahawa mereka akan menjalankan kerja pembaikan dengan segera dan akan menanggung segala kos dan tidak melibatkan peruntukan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council, twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my. Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my